

09 JUN 1996

Airportex

LANGKAWI AIRPORTEX '97 TARIK PENYERTAAN 100 SYARIKAT

LANGKAWI, 9 Jun (Bernama) -- Sebanyak 100 syarikat akan mengambil bahagian pada Pameran Kemudahan Lapangan Terbang (Langkawi Airportex '96) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat mulai 25 hingga 28 Julai ini.

Pameran itu yang pertama kali diadakan dianjurkan oleh Le Proton Lima Sdn Bhd dan akan mempamerkan pelbagai peralatan dan komponen lapangan terbang.

Pengerusi Le Proton, Datuk Radzi Manan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pameran itu.

Selain pameran itu, satu persidangan antarabangsa mengenai teknologi lapangan terbang akan berlangsung pada 26 dan 27 Julai, katanya di sini.

Setakat ini 10 negara telah mengesah penyertaan mereka pada pameran itu.

Radzi berkata Langkawi Airportex '96 adalah pameran seumpamanya yang ketiga di dunia selepas Frankfurt dan Atlanta.

Katanya Langkawi Airportex '96 ialah antara acara yang dianjurkan oleh syarikatnya menjelang Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (Lima '97).

Acara lain ialah Pameran Motor Antarabangsa (Limos '96) yang dijadualkan bermula pada 29 Nov hingga 8 Dis. -- BERNAMA

ZAA ZI MAI